



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PUSAT ISLAM
المركز الإسلامي
ISLAMIC CENTER

Transformasi Ke Arah
UNIVERSITI 4.0
INDUSTRI

Eco Campus
Mengubah Idea Menjadi Realiti

أَهْلًا وَسَهْلًا

PELAJAR BAHARU
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
SESI 2018/2019



WELCOME

PENASIHAT : Prof. Madya Dr. Muhamad Suhaimi Taat EDITOR : Noorishah Taljid & Kartini Ismail
SIDANG PENGARANG : Muhammad Afiq Muhaimin HEBAHAN & PUBLISITI : Malik Hanafi Achmad Rofi'ie



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi nikmat iman dan Islam kepada kita semua, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang telah menjalankan amanah Allah dengan sebaik-baiknya. Daripada An-Nu'man Ibn Basyir meriwayatkan daripada Nabi Muhammad SAW maksudnya, “ Sesungguhnya doa itu ibadah.” Doa merupakan aspek yang penting dalam kehidupan seharian bagi umat Islam. Terdapat juga segelintir umat Islam yang memandang ringan tentang doa dan mungkin ada juga yang mengabaikan doa dalam kehidupan seharian mereka. Doa merupakan satu bentuk komunikasi seorang hamba dengan Tuhannya. Doa itu juga adalah permohonan seorang hamba kepada Rabbnya agar diberikan perlindungan, pertolongan dan segala hajat yang diinginkan. Firman Allah SWT maksudnya, Dan Tuhan kamu berfirman: “ Berdoalah kepada-Ku, nescaya Aku berkenankan untukmu.” (Surah Ghafir 40:60).

ADAB-ADAB BERDOA

- ◆ Dalam keadaan bersih dan berwuduk
- ◆ Khusyuk dan merendah diri
- ◆ Merendahkan suara
- ◆ Menyakini bahawa doa yang dipohon akan dimakbulkan Allah SWT
- ◆ Mulakan doa dengan memuji Allah SWT dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW
- ◆ Sentiasa beristigfar sebelum memulakan doa
- ◆ Memahami maksud doa yang diucapkan
- ◆ Mengakhiri bacaan doa dengan memuji Allah SWT dan berselawat ke atas Nabi SAW

ANTARA WAKTU MUSTAJAB UNTUK BERDOA

- ◆ Selepas solat fardhu 5 waktu
- ◆ Di antara solat zuhur, asar dan maghrib
- ◆ Waktu antara azan dan iqamah
- ◆ Ketika hujan turun
- ◆ Ketika sujud terakhir dalam solat fardhu
- ◆ Dua waktu pada hari Jumaat
- ◆ Seperti terakhir pada waktu malam



ADAB MASUK KE DALAM MASJID

1. Menanggalkan
kasut atau
alas kaki



2. Memasuki masjid
dengan mendahulukan
kaki kanan

3. Membaca doa
ketika memasuki
masjid



4. Mengucap salam
kepada orang yang
berada di masjid



“Jangan pernah merasakan sholat itu beban,
hakikatnya sholat itulah yang meringankan beban”

Karya : Mohd Azib Mohd Sufian

AKTIVITI PIUMS SEPANJANG MINGGU INI

BIL	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT
01	Lawatan Naib Canselor UMS	4hb September 2018	Masjid dan bangunan PIUMS
02	Ceramah Perdana Sempena MSM	4hb September 2018	Masjid UMS
03	Kelas Mengaji Helwa	5hb September 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS
04	Halaqah Al-Quran kakitangan PIUMS	7hb September 2018	Bilik Mesyuarat PIUMS

Ceramah Perdana MSM 2018-2019



Ceramah disampaikan oleh
al-Fadhil Dr. Issraq Hj.
Ramli, Pensyarah Kanan
Fakulti Kemanusiaan, Seni
dan Warisan, Universiti
Malaysia Sabah

Para mahasiswa yang
menghadiri Ceramah
Perdana MSM 2018-2019



Para mahasiswi yang
menghadiri Ceramah
Perdana MSM 2018-2019

Lawatan Naib Canselor UMS ke PIUMS



Pengarah PIUMS bersama YBhg. Prof. Datuk D Kamarudin D Mudin (Naib Canselor UMS), En. No'man Hj. Ahmad (Pendaftar UMS), Ir. Pungut Ibrahim (Pengarah JPP), PM. Dr. Rahimie Abd. Karim (Pengarah PPE) dan En. Edrus Othman (Bendahari)



Pengarah PIUMS menyampaikan cenderahati kepada YBhg. Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin